

KAEDAH TAKSIRAN ZAKAT PADIDAN KESANNYA TERHADAP PETANI : KAJIAN DI SELANGOR

Asmak Ab.Rahman
Pazim @ Fadzim bin Othman***

ABSTRACT

This article analysed the impact of paddy zakah assessment to paddy farmers in Selangor. It concluded that the assessment which did not deduct paddy production cost and family expenses led to the misjudgement of the poor farmers by making them the zakah payers instead of zakah recipients.

PENDAHULUAN

Dalam taksiran zakat pertanian terdapat dua kaedah asas yang diterangkan oleh nas sebagai panduan kepada petani untuk mengeluarkan zakat pertanian, iaitu cukup nisab sebanyak lima *wasaq* dan kadar yang perlu dikeluarkan zakat pula ialah 5 peratus atau 10 peratus daripada hasil tanaman bergantung kepada jenis pengairan yang digunakan oleh petani.

Persoalannya, adakah kadar lima *wasaq* diukur daripada hasil tanaman kasar atau setelah ditolak terlebih dahulu kos penanaman dan kos sara hidup petani.

Kemajuan dan perkembangan dalam sektor pertanian memerlukan petani juga mengamalkan pertanian moden. Petani perlu membeli benih yang bermutu tinggi

* Pensyarah di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

* Profesor di Jabatan Ekonomi Pembangunan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.

dan pelbagai jenis baja untuk mendapat hasil tanaman yang baik dan berkualiti. Pokok padi juga terdedah kepada pelbagai jenis penyakit seperti penyakit karah, virus merah, hawar seludang, hawar bakteria, bintik perang dan pelbagai jenis penyakit lagi yang akan mengakibatkan kerugian kepada petani. Petani perlu membeli pelbagai jenis racun untuk mengawal dan merawat penyakit-penyakit tersebut.¹

Pesawah padi juga menggunakan jentera untuk memudah dan mempercepatkan proses penanaman dan pengangkutan padi ke kilang pemprosesan padi. Semua aktiviti ini akan menambah kos penanaman padi berbanding penanaman padi yang dijalankan secara tradisonal pada zaman dahulu yang menggunakan kos yang sangat minima.

Oleh itu dalam kajian ini penulis cuba mengupas dua isu berbangkit daripada amalan taksiran zakat padi yang diamalkan di Malaysia, iaitu:

- i. Kewajaran mengeluarkan zakat padi daripada hasil bersih tanaman padi; dan
- ii. Kewajaran memberi pelepasan kos sara hidup pesawah padi untuk memastikan pesawah padi yang mengeluarkan zakat ialah orang kaya yang layak mengeluarkan zakat padi.

NISAB ZAKAT PERTANIAN

Petani wajib mengeluarkan zakat hasil pertanian apabila hasil tanamannya mencukupi kadar nisab iaitu lima *wasaq*. Mālik², Al-Syāfi'ī³ Abū Yūsuf⁴ dan Al-Bahūti⁵ sepakat bahawa zakat tanaman diwajibkan apabila hasil tanaman mencukupi nisab. Oleh itu tidak wajib mengeluarkan zakat pada tanaman dan buah-buahan yang tidak cukup kadar lima *wasaq* iaitu sebanyak 60 gantang mengikut gantang Rasulullah SAW. Hujah mereka adalah berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

¹ Penyakit-penyakit padi, http://agrolink.moa.my/pqnet/kwln/penyakit/penyakit_padi.html, 6 April 2005.

² Mālik bin Anas (1999), *Al-Muwattā'*, jil. 1. Lubnan : Dār al-Ma'rifah, h. 253.

³ Al-Syāfi'ī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Idrīs (2001), *Al-Umm*, jil. 2. Lubnan : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 248.

⁴ Al-Kāsani, 'Alā' al-Dīn Abī Bakr bin Mas'ūd (1998), *Badī'i' al-Ṣanā'i'*, jil. 2. Lubnan : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 180.

⁵ Al-Bahūti, Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs (1999), *Kasyāf al-Qinā'*, jil. 2. Lubnan : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 271.

“Pada tanaman dan buah-buahan yang tidak sampai lima wasaq tidak dikenakan zakat”.⁶

Kadar Pengeluaran Zakat Tanaman

Kadar diwajibkan zakat pertanian ialah 5 peratus atau 10 peratus daripada hasil tanaman yang cukup nisab. Dalilnya ialah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Tanaman yang disiram oleh sungai dan hujan dikenakan *‘usyr*(1/10) dan tanaman yang disiram dengan air yang memakai tenaga binatang dikenakan *niṣf ‘usyr* (1/20)”.⁷

Ini bermakna bagi petani yang menanam tanaman yang diwajibkan zakat⁸ mereka mesti mengeluarkan zakat apabila cukup lima wasaq sebanyak 5 peratus atau 10 peratus daripada hasil tanaman.

Zakat tanaman	: 5% @ 10% X 5 wasaq
---------------	----------------------

⁶ Al-Nawāwī, Muḥyi al-Dīn (1997), *Ṣaḥīḥ Muslim Bi Syarḥ al-Imām al-Nawāwī*, jil. 7. Beirut : Dār al-Ma‘rifah, h. 53-54.

⁷ Al-Nawāwī (1997), *op.cit.* h. 57.

⁸ Hanya padi sahaja dikeluarkan zakat di Malaysia. Mengikut mazhab Mālikī dan Syāfi‘ī zakat tanaman diwajibkan kepada tanaman yang menjadi makanan asasi sesuatu tempat serta boleh dikeringkan dan tahan disimpan lama. Lihat al-Dusūqī, Muḥammad bin Aḥmad (1996), *Ḥāsyiah al-Dusūqī*, jil. 2. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 30 dan al-Khāṭib al-Syarbīnī (1997), *Mughnī al-Muḥṭraj*, jil. 1. Beirut : Dār al-Ma‘rifah, h. 565. Manakala mengikut mazhab Ḥambali zakat tanaman diwajibkan kepada semua jenis tanaman makanan asasi atau makanan bukan asasi yang boleh ditimbang, disimpan, dikeringkan serta diusahakan penanamannya oleh manusia. Lihat Ibn Qudāmah (1997), *al-Mughnī*, jil. 4. Riyāḍ : Dār ‘Ālim al-Kutub, h. 155. Dan Abū Ḥanīfah pula berpendapat zakat pertanian diwajibkan kepada semua jenis tanaman termasuk tanaman makanan asasi, tanaman bukan makanan asasi mahupun tanaman bukan makanan tanpa meletakkan sebarang syarat sebagaimana pendapat para ulama yang lain. Lihat al-Kāsani (1998), *Badā‘i‘ al-Ṣanā‘i‘*, jil. 2, Lubnan : Dār Iḥya‘ al-Turāth al-‘Arabī, h.. 178- 179.

Pandangan Fuqaha' Terhadap Hutang Kos Penanaman

Sekiranya petani berhutang untuk membeli bahan input untuk penanaman seperti berhutang baja, racun, biji benih, upah menuai, membajak dan sebagainya apakah petani perlu menolak terlebih dahulu kos tersebut dan membayar zakat daripada hasil tanaman bersih.

Abu 'Ubayd melaporkan bahawa Jābir bin Zaid telah diminta pandangan tentang seorang lelaki yang telah berhutang dan menggunakan wang tersebut untuk perbelanjaan keluarga dan ladangnya. Jabir menjelaskan bahawa :

*“Ibn ‘Abbās berpandangan bahawa lelaki itu boleh membelanjakan hutangnya itu kepada ladangnya. Ibn ‘Umar pula berpendapat orang itu boleh membelanjakannya untuk ladang dan keluarganya”.*⁹

Menurut Abū 'Ubayd dalam hal ini Ibn 'Abbās dan Ibn 'Umar sependapat bahawa zakat dikeluarkan setelah petani menolak hutang yang dijadikan modal untuk kos penanaman.¹⁰

Pandangan Fuqaha' Terhadap Modal Kos Penanaman dan Kos Sara Hidup

Tidak ada nas yang menjelaskan sama ada wang yang dikeluarkan oleh petani untuk dijadikan modal penanaman ditolak terlebih dahulu daripada hasil perolehan tanamannya dan baki bersih tanamannya barulah dikeluarkan zakat sekiranya cukup nisab.

Majoriti fuqaha'¹¹ berpendapat bahawa kos penanaman mestilah ditanggung oleh petani dan nisab zakat dikira apabila petani memperoleh hasil tanaman dan tidak perlu menolak kos penanaman apabila hendak mengeluarkan zakat.

Mereka berpandangan bahawa kos penanaman tidak perlu ditolak terlebih dahulu kerana tiada nas yang menyatakan perlu menolak kos penanaman. Nas yang ada hanyalah

⁹ Abū 'Ubayd, Al-Qāsim bin Salām (1988), *Kitāb al-Amwā*, Beirut : Dār al-Fikr, h. 611.

¹⁰ Abū 'Ubayd, *ibid.* Lihat Yahyā Ibn Adam (t.t), *Kitāb al-Kharaj*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 162

¹¹ Al-Zuhayli, Waḥbah (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa adillatuh*. Dimasyq: Dār al-Fikr, h. 812.

menerangkan kadar pengeluaran zakat sebanyak 5 peratus atau 10 peratus berdasarkan kaedah pengairan yang digunakan.

Nas yang ada hanyalah membezakan kadar pengeluaran zakat berdasarkan jenis pengairan yang digunakan oleh petani sama ada tanaman yang menggunakan pengairan semula jadi atau pengairan yang menggunakan tenaga buruh.

Berdasarkan hujah ini, maka kos penanaman perlu ditanggung oleh petani dan zakat diwajibkan ke atas semua hasil tanpa perlu menolak terlebih dahulu kos penanamn. Oleh itu kadar pengeluaran zakat pertanian ialah 10 peratus atau 5 peratus berdasarkan kepada bentuk pengairan tanaman tersebut.¹² Menurut Al-Bahūti¹³ kadar 10 peratus dikenakan jika pengairan yang sampai ke ladang tidak mengeluarkan modal yang banyak atau kerja yang berat kerana beban pengairan menyebabkan tinggi rendahnya kadar tersebut. Tanaman yang dikenakan zakat pada kadar 5 peratus ialah tanaman yang diairi dengan bantuan binatang, kincir air, jentera dan sebagainya.

Menurut Yūsuf al-Qaradāwī¹⁴ kos penanaman perlu ditolak terlebih dahulu kerana ia merupakan satu bebanan bagi petani. Beliau mengemukakan tiga hujah mengapa kos penanaman perlu ditolak terlebih dahulu, iaitu:

- i. Bebanan dan kos merupakan faktor yang memberi kesan dalam hukum. Kadar pengeluaran zakat berbeza disebabkan adanya bebanan dan kos, contohnya bagi pengairan yang memerlukan peralatan atau tenaga manusia kadar pengeluaran zakat ialah 5 peratus sahaja;
- ii. Bagi zakat binatang ternakan pula, sekiranya penternak perlu mencari makanan untuk binatang ternakannya sepanjang tahun maka binatang ternakan tersebut tidak dikenakan zakat ternakan. Oleh sebab itu adalah wajar kos yang digunakan untuk mengusahakan tanaman itu tidak dikenakan zakat; dan
- iii. Zakat diwajibkan kerana adanya pertumbuhan. Apabila adanya pertumbuhan ini bererti wujud pertambahan. Dalam konteks ini, pertambahan tidak mewujudkan kekayaan kerana kos penanaman juga besar.

¹² Al-Bahūti, *op.cit*, h. 274 & Al-Kāsanī, *op.cit.*, h. 185.

¹³ Al-Bahūti, *ibid*, h. 274.

¹⁴ Al-Qaradāwī, Yūsuf (1969), *Fiqh al-Zakāh*. Beirut : Dār al-Irsyād, h. 396-397.

Pandangan Fuqaha' Tentang Kos Sara Hidup

Syarat utama kewajipan zakat ialah supaya zakat dipungut daripada orang yang mempunyai lebih kekayaan. Sekiranya kekayaan yang dimilikinya sekadar cukup untuk memenuhi keperluan dirinya dan orang yang berada di bawah tanggungannya seperti isteri, anak-anak, ibu bapa yang uzur dan sebagainya maka tidak wajar mengutip zakat daripada orang tersebut. Keperluan di sini adalah keperluan asasi seorang manusia mengikut standard keperluan semasa seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan juga keperluan-keperluan asas yang lain sesuai dengan keperluan semasa.

Tiada nas yang menjelaskan sama ada kos sara hidup wajar ditolak terlebih dahulu sebelum dikenakan zakat. Walaupun Ibn 'Abbās dan Ibn 'Umar sependapat bahawa hutang yang digunakan untuk dijadikan modal penanaman ditolak terlebih dahulu sebelum dikenakan zakat tetapi mereka tidak sependapat tentang hutang yang dibelanjakan untuk kos sara hidup petani.¹⁵ Ibn 'Umar sahaja yang berpendapat bahawa zakat dikira setelah ditolak hutang kos pengeluaran pertanian dan juga hutang kos sara hidup.¹⁶

Dari segi penolakan kos sara hidup sebelum dikenakan zakat tiada nas yang menerangkan tentang perkara tersebut. Walau bagaimanapun satu asas dalam pengeluaran zakat harta ialah orang yang mengeluarkan zakat mestilah orang kaya kerana penerima zakat ialah golongan fakir miskin. Ini berdasarkan amalan pada zaman Rasulullah SAW, di mana baginda telah memerintahkan supaya zakat dipungut daripada orang kaya sebagaimana sabdanya yang bermaksud:

*“Ambillah daripada orang-orang kaya dan kembalikan kepada orang-orang yang miskin”.*¹⁷

Adakah indikator kekayaan seorang petani, hanya dilihat kepada hasil tanamannya yang mencukupi kadar nisab sahaja tanpa mengambil kira sama ada pendapatan daripada hasil pertaniannya mencukupi untuk keperluan perusahaan pertanian dan perbelanjaan keluarganya.

¹⁵ Abū 'Ubayd, *op.cit.* h. 611. Lihat Yahyā Ibn Ādam, *op.cit.* h. 162.

¹⁶ Abū 'Ubayd, *op.cit.* h. 611. Lihat Yahyā Ibn Ādam, *op.cit.* h. 162, Ibn Qudāmah, *op.cit.* h. 265.

¹⁷ Abū 'Ubayd, *op.cit.* h. 693.

Oleh sebab nafkah adalah satu tanggungjawab kepada ketua keluarga, sudah tentu seseorang itu perlu menunaikan tanggungjawab tersebut terlebih dahulu sebelum membelanjakan kekayaannya untuk perbelanjaan-perbelanjaan lain. Prinsip ini berdasarkan kisah yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Jabir bahawa Rasulullah SAW berkata kepada seorang:

*“Berikanlah terlebih dahulu untuk kepentingan dirimu, apabila lebih berikanlah untuk isterimu, apabila masih lebih berikanlah kepada keluarga dekatmu apabila masih lebih berikanlah kepada yang lain-lain”.*¹⁸

Kos sara hidup wajar diambil kira dan perlu ditolak terlebih dahulu sebelum dikenakan zakat kerana Rasulullah SAW sendiri amat bertimbang rasa kepada petani. Mengikut amalan Rasulullah, baginda meminta supaya penaksir zakat menolak $\frac{1}{3}$ atau $\frac{1}{4}$ daripada hasil tanaman dan zakat ditaksir berdasarkan $\frac{2}{3}$ atau $\frac{3}{4}$ hasil tanaman, sebagaimana dilaporkan oleh Sahal bin Abu Hathmah yang bermaksud:

*“Apabila kamu membuat penaksiran hendaklah kamu ambil zakatnya dan tinggalkan $\frac{1}{3}$. Jika kamu tidak tinggalkan $\frac{1}{3}$ hendaklah tinggalkan $\frac{1}{4}$ ”.*¹⁹

Kaedah Taksiran Zakat Padi Di Selangor Pusat Zakat Selangor menetapkan nisab zakat padi di Selangor²⁰ sebanyak 1,306 kilogram atau 1.306 tan²¹. Kaedah yang digunakan untuk mentaksir zakat padi ialah seperti berikut²² :

¹⁸ Al-Nawāwī, 1997, *op.cit.*, h. 84.

¹⁹ Abū ‘Ubayd, *op.cit.*, h.585.

²⁰ Nisab zakat padi di Kedah, Terengganu dan Pulau Pinang: 1.3 tan, Perlis: 986.7 kg, Pahang dan Melaka: 1 tan, Negeri Sembilan: 1.620 tan. Lihat Jabatan Zakat Negeri Kedah, <http://www.zakatkedah.com/padi.asp>, Pusat Kutipan Zakat Pahang, <http://www.zakatpahang.com.my/index1.asp?file=IZ2F.htm>, Pusat Zakat Melaka, <http://www.izakat.com/InfoPertanian.html>, Pusat Zakat Negeri Sembilan, <http://www.zakatns.com.my>, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, <http://www.i-zakatdpuz.com.my/web/default.htm>, 28 Mei 2005.

²¹ Bagi biji-bijian yang disimpan di dalam kulitnya seperti padi nisabnya ialah 10 wasaq kerana dikira sekali dengan kulitnya. Nisab zakat tanaman yang dikeluarkan dalam keadaan kering ialah lima wasq. Lihat Al-Bahuti, *op.cit.* h.272. Oleh kerana pesawah menghantar padi ke BERNAS dan membayar zakat setelah mendapat wang daripada BERNAS mereka perlu membayar zakat pada timbangan 10 wasaq. Ini kerana padi yang dijual kepada BERNAS adalah dalam keadaan masih basah dan belum dikeringkan.

²² Pusat Zakat Selangor, “Pamphlet Zakat Padi”, Shah Alam : Selangor Darul Ehsan.

$$\begin{aligned}\text{Zakat Padi} &= (\text{Harga jualan padi} + \text{subsidi}) \times 5\% \\ &= [((\text{RM } 550 \times 1.306 \text{ tan}) + (\text{RM } 248 \times 1.306 \text{ tan})) \times 5\%] \\ &= (\text{RM } 718.30 + \text{RM } 323.88) \times 5\% \\ &= \text{RM } 1041.85 \times 5\% \\ &= \text{RM } 52.09\end{aligned}$$

Pusat Zakat Selangor menggunakan kaedah mengira zakat padi daripada pendapatan kasar petani tanpa menolak terlebih dahulu kos tanaman padi.²³

Dalam pamflet ini diterangkan bahawa erti pendapatan kasar dalam fatwa itu adalah keseluruhan hasil pendapatan padi seperti:²⁴

- i. Wang jualan padi;
- ii. Wang kupon subsidi; dan
- iii. Lain-lain wang insentif yang diperolehi.

KAJIAN PENANAMAN PADI DI SELANGOR

Satu kajian telah dijalankan di Selangor untuk mendapat maklumat tentang penanaman padi di Selangor. Satu soal selidik telah diadakan di Tanjung Karang dan Sabak Bernam pada 13 hingga 19 Oktober 2003. Populasi kajian ialah pesawah padi yang membayar zakat padi. Sampel kajian dipilih berdasarkan senarai nama pembayar zakat padi yang direkod oleh amil zakat padi dan telah membayar zakat padi bagi musim tuaian sebelum soal selidik dijalankan. Seramai 403 orang pesawah telah dipilih sebagai responden kajian ini.

Soal selidik telah dirangka untuk mendapatkan data mengenai kos penanaman padi, hasil keluaran padi, keluasan tanaman padi, hasil jualan padi, subsidi harga padi, pendapatan petani, perbelanjaan bulanan petani dan bayaran zakat padi.

²³ Mesyuarat kali ke 1/2000 Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor sebulat suara menetapkan kadar zakat padi Negeri Selangor iaitu 5% daripada hasil pendapatan kasar tanpa menolak kos pengeluaran. Fatwa ini telah disiarkan di dalam Pamflet zakat padi, Pusat Zakat Selangor.

²⁴ Pusat Zakat Selangor, *op.cit.*

Latar Belakang Responden

Jadual 1 menunjukkan bahawa responden terdiri daripada 87 orang pesawah (21.6 peratus) di daerah Kuala Selangor dan 316 orang pesawah (78.4 peratus) di daerah Sabak Bernam.

Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah lelaki iaitu 346 responden (85.9 peratus) berbanding dengan perempuan iaitu hanya 57 responden (14.1 peratus) sahaja.

Daripada Jadual 1, didapati responden iaitu seramai 322 orang (80 peratus) terdiri daripada mereka yang berumur antara 36 hingga 70 tahun.

Secara keseluruhannya responden yang terlibat dalam kajian ini telah berkahwin iaitu 339 orang (84.1 peratus), manakala 11 responden (2.7 peratus) masih lagi bujang, 10 orang (2.5 peratus) adalah duda dan 43 orang (10.7 peratus) adalah janda.

Latar Belakang Responden

Jadual 1 Responden Mengikut Daerah, Jantina, Umur dan Taraf Perkahwinan

Latar belakang responden		Frekuensi	Peratus
Daerah	Kuala Selangor	87	21.6
	Sabak Bernam	316	78.4
	Jumlah	403	100.0
Jantina	Lelaki	346	85.9
	Perempuan	57	14.1
	Jumlah	403	100.0
Umur	20-25 tahun	2	0.5
	26-30 tahun	11	2.7
	31-35 tahun	32	7.9
	36-40 tahun	40	9.9
	41-45 tahun	42	10.4
	46- 50 tahun	43	10.7
	51-55 tahun	53	13.2
56 - 60 tahun	42	10.4	

sambungan Jadual 1 Responden Mengikut Daerah, Jantina, Umur dan Taraf Perkahwinan

Latar belakang responden		Frekuensi	Peratus
	61 - 65 tahun	53	13.2
	66- 70 tahun	49	12.2
	71- 75 tahun	26	6.5
	76 - 80 tahun	7	1.7
	81-85 tahun	1	0.2
	86-90 tahun	2	0.5
	Jumlah	403	100.0
Taraf perkahwinan	Bujang	11	2.7
	Duda	10	2.5
	Berkahwin	339	84.1
	Janda	43	10.7
	Jumlah	403	100.0

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Jadual 2 Responden Mengikut Bilangan Isi Rumah

Bilangan isi rumah	Frekuensi	Peratus
1	12	3.0
2	60	14.9
3	67	16.6
4	76	18.9
5	62	15.4
6	49	12.2
7	38	9.4
8	23	5.7
9	7	1.7
10	6	1.5
11	1	0.2
12	1	0.2
13	1	0.2
Jumlah	403	100.0

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Didapati bahawa kebanyakan bilangan isi rumah responden ialah seramai 4 orang ahli (18.9 peratus), berbanding 3 orang ahli (16.6 peratus), 5 orang ahli (15.4 peratus), 2 orang ahli (14.9 peratus) dan 6 orang ahli (12.2 peratus). Secara puratanya bilangan isi rumah responden ialah antara 2 orang hingga 6 orang (Lihat Jadual 2).

Keluasan Tanaman Padi

Jadual 3 menunjukkan keluasan tanaman padi musim pertama pada tahun 2003. Kebanyakan responden (41.9 peratus) menggunakan keluasan sawah 2.1 hingga 3.0 ekar untuk menanam padi, 14.4 peratus responden menggunakan keluasan tanah 1.1 hingga 2.0 ekar dan 13.2 peratus responden menggunakan keluasan tanah 5.1 ekar hingga 6.0 ekar. Terdapat 2.0 peratus responden yang menggunakan keluasan tanah melebihi 15.0 ekar.

Jadual 3 Responden Mengikut Keluasan Tanaman Padi Pada Musim I Tahun 2003

Keluasan tanaman padi (dalam ekar)	Frekuensi	Peratus
< 1.1	14	3.5
1.1 - 2.0	58	14.4
2.1 - 3.0	169	41.9
3.1 - 4.0	14	3.5
4.1 - 5.0	27	6.7
5.1 - 6.0	53	13.2
6.1 - 7.0	2	0.5
7.1 - 8.0	6	1.5
8.1 - 9.0	17	4.2
9.1 - 10.0	7	1.7
10.1 - 11.0	7	1.7
11.1 - 12.0	13	3.2
12.1 - 13.0	1	0.2
13.1 - 14.0	4	1.0
14.1 - 15.0	3	0.7
> 15.0	8	2.0
Jumlah	403	100.0

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Hasil Tanaman Padi Semusim

Jadual 4 menunjukkan hasil tanaman padi bagi musim pertama pada tahun 2003. Kebanyakan responden (51.1 peratus) mendapat hasil antara 1.6 tan hingga 7.1 tan, diikuti 22.6 peratus dengan hasil antara 7.2 tan hingga 12.7 tan, dan 11.2 peratus dengan hasil antara 12.8 tan hingga 18.3 tan. Hanya 0.2 peratus responden yang mendapat hasil melebihi 63.1 tan.

Jadual 4 Responden Mengikut Hasil Tanaman Padi Pada Musim I Tahun 2003

Hasil tanaman padi (tan)	Frekuensi	Peratus
< 1.6	4	1.0
1.6 - 7.1	206	51.1
7.2 - 12.7	91	22.6
12.8 - 18.3	45	11.2
18.4 - 23.9	17	4.2
24.0 - 29.5	19	4.7
29.6 - 35.1	11	2.7
35.2 - 40.7	3	0.7
40.8 - 46.3	2	0.5
46.4 - 51.9	1	0.2
52.0 - 57.5	1	0.2
57.6 - 63.1	2	0.5
> 63.1	1	0.2
Jumlah	403	100.0

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Kos Penanaman Padi

Kos penanaman padi²⁵ merangkumi kos bahan input iaitu kos untuk biji benih, baja dan racun. Terdapat pelbagai jenis baja yang perlu dibeli oleh petani seperti baja untuk menyuburkan tanah dan untuk memperbanyakkan buah.

Kos tenaga kerja pula ialah kos yang perlu ditanggung oleh petani untuk melakukan kerja-kerja seperti menuai, mengangkut padi ke kilang pemprosesan, merumput,

²⁵ Kos Penanaman Padi = Kos bahan input + Kos tenaga kerja + Lain-lain kos

mencabut padi angin, membakar jerami, membajak dan menggali parit. Selain kos untuk membeli bahan input dan upah buruh, petani juga terpaksa membayar lain-lain kos seperti penyewaan tanah, cukai tanah dan bayaran balik pinjaman untuk menampung kos penanaman padi.

Jadual 5 menunjukkan kos penanaman padi yang terdiri daripada kos bahan input, kos tenaga kerja dan lain-lain kos. Bahan-bahan input yang dibeli oleh responden ialah pelbagai jenis racun, baja dan benih. Majoriti responden, 247 orang (61.3 peratus) menggunakan kos bahan input antara RM501 hingga RM1,500. Hanya 2.0 peratus sahaja responden yang menggunakan kos bahan input melebihi RM5,500.

Dari segi kos tenaga kerja, 35.5 peratus responden menggunakan kos tenaga kerja antara RM501 hingga RM1,000. Ini diikuti dengan 25.6 peratus responden yang menggunakan kos tenaga kerja antara RM1,001 hingga RM1,500 dan 12.7 peratus menggunakan kos tenaga kerja di antara RM1,501 hingga RM2,000. Hanya 1.0 peratus sahaja responden yang menggunakan kos tenaga kerja yang melebihi RM5,500.

Berdasarkan Jadual 5, lain-lain kos yang paling banyak digunakan adalah antara RM 501 hingga RM 1000 iaitu sebanyak 60.5 peratus. Manakala 2.7 peratus tidak menggunakan lain-lain kos dan hanya 4.2 peratus sahaja yang menggunakan lain-lain kos melebihi RM 5000.

Jadual 5 Kos Penanaman Padi

Dalam (RM)	Kos Bahan Input		Kos Tenaga Kerja		Lain-Lain Kos		Jumlah Kos Tanaman Padi	
	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
<501	55	13.6	33	8.2	11	2.7	19	4.7
501-1000	146	36.2	143	35.5	244	60.5	123	30.5
1001-1500	101	25.1	103	25.6	32	7.9	93	23.1
1501-2000	38	9.4	51	12.7	43	10.7	54	13.4
2001-2500	23	5.7	21	5.2	16	4.0	35	8.7
2501-3000	10	2.5	17	4.2	17	4.2	18	4.5
3001-3500	10	2.5	10	2.5	8	2.0	15	3.7
3501-4000	3	0.7	7	1.7	8	2.0	9	2.2
4001-4500	3	0.7	5	1.2	2	.5	5	1.2
4501-5000	3	0.7	6	1.5	5	1.2	8	2.0
5001-12000	11	2.7	7	1.7	17	4.2	11	2.7
>12000	-	-	-	-	-	-	13	3.2

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Pendapatan Petani Semusim

Pendapatan petani adalah hasil jualan padi yang diperolehinya dan juga subsidi harga²⁶ yang diberikan oleh kerajaan. Jadual 6 menunjukkan hasil jualan padi semusim. Bagi hasil jualan padi, majoriti (65.8 peratus) hasil jualan padi responden adalah antara RM1,001 hingga RM5,000. Hanya 1.2 peratus yang mendapat hasil jualan padi kurang daripada RM1,001 dan 3.7 peratus mendapat hasil jualan padi melebihi RM18,000.

Jadual 6 juga menunjukkan bahawa terdapat 11 responden (2.7 peratus) yang mendapat subsidi harga kurang dari RM501. Manakala majoriti responden (67.7 peratus) memperolehi subsidi harga yang bernilai antara RM501 hingga RM2,500 bagi hasil padi yang dijual. Hanya 3.2 peratus responden mendapat subsidi harga yang bernilai melebihi RM8,000.

Jadual 6 Responden Mengikut Hasil Jualan Padi dan Subsidi Harga

Hasil Jualan Padi (RM)	Frekuensi	Peratus
<1001	5	1.2
1001-2000	51	12.7
2001-3000	44	10.9
3001-4000	114	28.3
4001-5000	56	13.9
5001-6000	17	4.2
6001-7000	13	3.2
7001-8000	16	4.0
8001-9000	23	5.7
9001-10000	6	1.5
10001-11000	4	1.0
11001-12000	10	2.5
12001-13000	4	1.0
13001-14000	9	2.2
14001-15000	5	1.2
15001-16000	4	1.0
16001-17000	3	0.7
17001-18000	4	1.0
> 18000	15	3.7
Jumlah	403	100.0

²⁶ Subsidi harga hanya diperolehi jika para petani menjual padi kepada pihak kerajaan atau kilang swasta. Nilai subsidi harga dianggarkan 50 peratus dari harga jualan padi.

sambungan Jadual 6 Responden Mengikut Hasil Jualan Padi dan Subsidi Harga

Kupon Subsidi (RM)	Frekuensi	Peratus
<501	11	2.7
501-1000	59	14.6
1001-1500	81	20.1
1501-2000	97	24.1
2001-2500	36	8.9
2501-3000	13	3.2
3001-3500	19	4.7
3501-4000	23	5.7
4001-4500	7	1.7
4501-5000	6	1.5
5001-5500	12	3.0
5501-6000	6	1.5
6001-6500	5	1.2
6501-7000	7	1.7
7001-7500	3	0.7
7501-8000	5	1.2
>8000	13	3.2
Jumlah	403	100.0

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Jumlah Pendapatan Kasar Petani

Jadual 7 menunjukkan jumlah pendapatan kasar²⁷ petani bagi musim pertama tahun 2003. Didapati majoriti 67.5 peratus responden memperolehi pendapatan kasar antara RM2001 hingga RM8000. Hanya 1.0 peratus yang mendapat pendapatan kasar kurang daripada RM1,001 dan 7.4 peratus responden yang memperolehi pendapatan kasar melebihi RM21,000.

Jadual 7 Responden Mengikut Pendapatan Kasar Petani Musim I Tahun 2003

Hasil jualan padi dan subsidi harga (RM)	Frekuensi	Peratus
< 1001	4	1.0
1001-2000	7	1.7
2001-3000	44	10.9
3001-4000	44	10.9
4001-5000	51	12.7
5001-6000	70	17.4
6001-7000	33	8.2

²⁷ Pendapatan Kasar = Hasil Jualan padi + subsidi

Jadual 7 Responden Mengikut Pendapatan Kasar Petani Musim I Tahun 2003

Hasil jualan padi dan subsidi harga (RM)	Frekuensi	Peratus
7001-8000	30	7.4
8001-9000	7	1.7
9001-10000	10	2.5
10001-11000	6	1.5
11001-12000	22	5.5
12001-13000	11	2.7
13001-14000	1	0.2
14001-15000	5	1.2
15001-16000	6	1.5
16001-17000	7	1.7
17001-18000	4	1.0
18001-19000	1	0.2
19001-20000	9	2.2
20001-21000	1	0.2
> 21000	30	7.4
Jumlah	403	100.0

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Pendapatan Bersih Petani Semusim

Jadual 8 menunjukkan pendapatan bersih²⁸ satu musim tanaman padi bagi responden. Majoriti responden (17.4 peratus) mendapat pendapatan bersih satu musim antara RM1001 hingga RM2,000. Ini diikuti oleh 16.9 peratus memperoleh pendapatan bersih satu musim antara RM3001-RM4000 dan 16.4 peratus pula antara RM2001-RM3000. Seramai 42 responden (10.4 peratus) memperoleh pendapatan bersih satu musim kurang daripada RM1001, manakala 11 responden (2.7 peratus) mendapat pendapatan bersih satu musim melebihi RM17,000.

²⁸ Pendapatan bersih = [(Hasil jualan padi + subsidi) - (kos input+kos tenaga+kos lain)]

**Jadual 8 Responden Mengikut Pendapatan Bersih Petani
Musim I Tahun 2003**

Pendapatan Bersih Semusim (RM)	Frekuensi	Peratus
< 1001	42	10.4
1001-2000	70	17.4
2001-3000	66	16.4
3001-4000	68	16.9
4001-5000	39	9.7
5001-6000	25	6.2
6001-7000	16	4.0
7001-8000	13	3.2
8001-9000	12	3.0
9001-10000	4	1.0
10001-11000	4	1.0
11001-12000	14	3.5
12001-13000	10	2.5
13001-14000	3	0.7
14001-15000	2	0.5
15001-16000	2	0.5
16001-17000	2	0.5
> 17000	11	2.7
Jumlah	403	100.0

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Perbelanjaan Bulanan Responden

Perbelanjaan bulanan pesawah termasuklah bayaran bil elektrik, bil air, makanan, yuran persekolahan anak-anak, wang saku persekolahan anak-anak, ansuran bulanan kenderaan, perbelanjaan anak-anak yang belum bersekolah, perubatan dan ansuran atau sewaan rumah.

Jadual 9 menunjukkan perbelanjaan bulanan isi rumah responden. Terdapat, 14.1 peratus daripada responden membelanjakan antara RM401-RM500 sebulan bagi perbelanjaan keluarga mereka. Purata perbelanjaan isi rumah ini juga bergantung kepada jumlah isi rumah bagi sesebuah keluarga. Didapati hanya 0.5 peratus daripada responden membelanjakan pendapatan mereka untuk keperluan keluarga kurang daripada RM101, manakala 1.0 peratus responden membelanjakan pendapatan mereka melebihi RM2,000 sebulan.

Jadual 9 Perbelanjaan Bulanan dan Bilangan Isi rumah Responden

Perbelanjaan Bulanan	Bil. isi rumah													Jumlah	%
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13		
< 100	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	0.5
101-200	5	4	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	11	2.7
201-300	3	7	7	1	1	0	0	0	0	0	1	0	0	20	5
301-400	3	19	9	6	4	0	1	0	0	0	0	0	0	42	10.4
401-500	0	15	17	13	2	5	5	0	0	0	0	0	0	57	14.1
501-600	1	5	7	10	9	8	3	1	1	0	0	0	0	45	11.2
601-700	0	2	12	15	9	8	5	2	1	0	0	0	0	54	13.4
701-800	0	1	7	10	11	5	7	3	0	1	0	0	0	45	11.2
801-900	0	4	3	6	3	7	6	1	0	1	0	0	0	31	7.7
901-1000	0	0	0	8	4	3	3	1	0	1	0	1	0	21	5.2
1001-1100	0	0	3	1	4	3	2	3	2	1	0	0	0	19	4.7
1101-1200	0	1	1	2	4	1	1	2	0	0	0	0	0	12	3
1201-1300	0	0	1	0	3	0	1	1	1	1	0	0	1	9	2.2
1301-1400	0	0	0	0	3	0	1	3	1	0	0	0	0	8	2
1401-1500	0	0	0	2	1	1	1	1	1	0	0	0	0	7	1.7
1501-1600	0	0	0	0	1	2	0	1	0	0	0	0	0	4	1
1601-1700	0	0	0	0	1	0	1	1	0	1	0	0	0	4	1
1701-1800	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0.2
1801-1900	0	0	0	0	1	3	0	2	0	0	0	0	0	6	1.5
1901-2000	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1	0.2
> 2000	0	0	0	1	0	1	1	1	0	0	0	0	0	4	1
Jumlah	12	60	67	76	62	49	38	23	7	6	1	1	1	403	100
Peratus	3	14.9	16.6	18.9	15.4	12.2	9.4	5.7	1.7	1.5	.2	.2	.2	100.0	

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Pengeluaran Zakat Padi

Oleh sebab semua responden menggunakan saliran air yang disediakan oleh kerajaan, mereka telah membayar zakat mengikut kadar 5% daripada hasil padi dan subsidi mereka Jadual 10 menunjukkan 97.5 peratus responden membayar zakat pertanian mereka dengan menggunakan wang, berbanding 2.5 peratus responden membayar zakat mereka dengan menggunakan padi. Pusat Zakat Selangor juga menggalakkan para petani supaya membayar zakat padi dengan wang untuk memudahkan urusan kutipan dan agihan.

Jadual 10 Bentuk Pembayaran Zakat Dan Bayaran Zakat

Bentuk bayaran zakat	Frekuensi	Peratus
Padi	10	2.5
Wang	393	97.5
Jumlah	403	100.0

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Jadual 11 menunjukkan sebilangan besar responden (67.58 peratus) membayar zakat yang bernilai antara RM101 hingga RM400. Terdapat hanya 2.7 peratus responden yang membayar zakat padi mereka kurang daripada RM101 dan 1.5 peratus responden yang membayar zakat mereka melebihi RM2,000.

Jadual 11 Bayaran Zakat

Bayaran zakat (RM)	Frekuensi	Peratus
<101	11	2.7
101-200	87	21.6
201-300	120	29.8
301-400	65	16.1
401-500	18	4.5
501-600	27	6.7
601-700	12	3.0
701-800	11	2.7
801-900	11	2.7
901-1000	9	2.2
1001-1100	6	1.5
1101-1200	6	1.5
1201-1300	4	1.0
1301-1400	4	1.0
1501-1600	3	0.7
1701-1800	2	0.5
1901-2000	1	0.2
> 2000	6	1.5
Jumlah	403	100.0

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Analisis Kesan Tidak Menolak Kos Penanaman dan Kos Sara Hidup Kepada Pembayar Zakat Padi

Oleh kerana di Selangor, zakat diwajibkan tanpa menolak kos penanaman dan kos sara hidup telah menyebabkan beberapa kesan timbul iaitu:

i. Sebahagian pembayar zakat padi tergolong dalam golongan miskin

Jadual 12 menunjukkan bahawa 57 orang responden (14.1 peratus) yang merupakan pembayar zakat padi memperoleh pendapatan bulanan di bawah garis kemiskinan dengan pendapatan kasar bulanan kurang dari RM510²⁹. Seramai 184 responden (45.7 peratus) pula mendapat pendapatan bulanan bersih di bawah garis kemiskinan.

Jadual 12 Responden Mengikut Pendapatan Kasar Bulanan

Pendapatan Kasar Sebulan (RM)³⁰	Frekuensi	Peratus
<510	57	14.1
511-1000	162	40.2
1001-1500	70	17.4
1501-2000	38	9.4
2001-2500	17	4.2
2501-3000	17	4.2
3001-3500	11	2.7
3501-4000	11	2.7
4001-4500	4	1.0
>4501	16	4.0
Jumlah	403	100.0

²⁹ Garis kemiskinan mengikut Rancangan Malaysia Kelapan. Lihat Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2001), *Rancangan Malaysia Kelapan*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, h. 62.


³⁰ Penyelidik telah membahagikan hasil kasar jualan padi dan subsidi musim pertama tahun 2003 kepada enam bulan. Proses penanaman padi mengambil masa enam bulan untuk membuahkan hasil. Satu musim bertanam mengambil masa enam bulan. Oleh itu pendapatan petani akan diagihkan kepada enam bulan (purata).

sambungan Jadual 12 Responden Mengikut Pendapatan Kasar Bulanan

Pendapatan Bersih Bulanan (RM) ³¹	Frekuensi	Peratus
<510	184	45.7
511-1000	125	31.0
1001-1500	41	10.2
1501-2000	22	5.5
2001-2500	15	3.7
2501-3000	5	1.2
3001-3500	6	1.5
3501-4000	2	.5
4001-4500	2	.5
>4501	1	.2
Jumlah	403	100.0

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Rajah 1 Responden Mengikut Pendapatan Kasar Bulanan dan Membuat Pinjaman Untuk Menampung Kos Tanaman Padi



Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

³¹ Penyelidik telah membahagikan pendapatan bersih satu musim kepada enam bulan untuk mengetahui pendapatan bersih purata bulanan responden.

Oleh itu terdapat 64 responden yang terpaksa meminjam wang untuk menampung kos penanaman padi. Berdasarkan rajah 1, seramai 41 orang responden yang meminjam memperolehi pendapatan bulanan RM1500.00 ke bawah. Bagi sumber pinjaman pula, 93.8 peratus mendapatkan pinjaman daripada institusi perbankan, manakala 4.7 peratus mendapatkan pinjaman daripada saudara mara dan 1.6 peratus mendapatkan sumber pinjaman daripada orang perseorangan (Lihat jadual 13)

Jadual 13 Responden Berdasarkan Sumber Pinjaman

Sumber pinjaman	Frekuensi	Peratus
Institusi perbankan	60	93.8
Saudara mara	3	4.7
Orang perseorangan	1	1.6
Jumlah	64	100.0

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

ii. Wujud Konflik Antara Penerima Agihan Zakat dan Pembayar Zakat Padi

Antara asnaf yang layak menerima zakat ialah golongan miskin. Pusat Zakat Selangor menilai indikator seseorang miskin yang layak mendapat zakat ialah dengan melihat pendapatan dan perbelanjaan keluarganya. Sekiranya pendapatannya kurang daripada perbelanjaan keluarganya dia layak menerima zakat. Had perbelanjaan bulanan keluarga yang dipakai di kawasan luar bandar ialah seperti dalam Jadual 14.

Oleh kerana pesawah padi perlu membayar zakat tanpa menolak kos peanaman dan kos sara hidup telah menyebabkan mereka sebenarnya adalah golongan miskin. Oleh kerana mereka adalah golongan miskin, sepatutnya mereka adalah golongan yang layak menerima zakat.

**Jadual 14 Kadar Perbelanjaan Asas Penerima Zakat
Bagi Kawasan Luar Bandar**

Kategori		Kadar Keperluan Asas Luar Bandar per orang (RM)
A	Perbelanjaan ketua keluarga, sekiranya rumah yang diduduki tidak ada sebarang bayaran.	135
B	Perbelanjaan tanggungan orang dewasa yang tidak bersekolah 70	
C	Perbelanjaan tanggungan orang dewasa yang berumur 17 tahun ke atas dan bersekolah	120
D	Perbelanjaan tanggungan yang berumur antara 13 -17 tahun dan bersekolah.	85
E	Perbelanjaan tanggungan yang berumur antara 5 - 12 tahun dan bersekolah	65
F	Perbelanjaan tanggungan yang berumur 15 tahun ke bawah dan tidak bersekolah	30
Jumlah Keseluruhan		505.00

Sumber : Diubah suai dari Borang Pengiraan Had Kifayah, Pusat Zakat Selangor.

Berdasarkan kajian didapati bahawa terdapat responden yang membayar zakat tetapi dia adalah orang yang layak menerima zakat. Untuk menunjukkan bahawa responden yang memperoleh pendapatan kurang daripada RM510 sepatutnya adalah orang yang layak menerima zakat sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Zakat Selangor, penyelidik telah memasukkan data tentang seorang responden yang bernombor siri 294 ke dalam aplikasi pengiraan status kelayakan menerima zakat yang disediakan oleh Pusat Zakat Selangor di websitenya. Responden tersebut mempunyai ahli isi rumah seramai 9 orang, memiliki rumah sendiri dan pendapatan kasar bulanan beliau ialah RM 425.60 sebulan. Ahli keluarga bagi responden ini terdiri daripada:

- i. Ketua isi rumah berumur 34 tahun;
- ii. Isteri berumur 31 tahun;
- iii. Lima orang anak lelaki berumur sebelas tahun, sepuluh tahun, lapan tahun, lima tahun dan dua tahun; dan
- iv. Dua orang anak perempuan yang masing-masing berumur lima dan tiga tahun.

Berdasarkan kepada aplikasi pengiraan yang disediakan oleh Pusat Zakat Selangor di laman web <http://www.e-zakat.com.my/k%20zakat/agihan/hadkifayah-kalkulatorLuarBandar.asp> (pada 5 April 2004) di dapati keputusannya adalah seperti berikut:

Alamat	Sabak Bernam
Pendapatan	RM 425.60 sebulan
Perbelanjaan/Tanggungannya sebulan	
Rumah	RM135.00
Dewasa (tidak bersekolah) X 1 orang	RM70.00
Dewasa bersekolah	0
Remaja bersekolah	0
Kanak-kanak bersekolah (RM 65 X 3 orang)	RM195.00
Kanak-kanak tidak bersekolah (RM 30 X 4 orang)	RM120.00
Jumlah perbelanjaan sebulan	RM 520.00

Berdasarkan pengiraan ini Pusat Zakat Selangor mengkategorikan responden ini sebagai miskin. Sekiranya responden ini dikategorikan sebagai miskin sudah tentu beliau adalah orang yang layak menerima zakat dan bukanlah orang yang mesti mengeluarkan zakat.

Oleh itu, pengiraan nisab zakat padi perlu dinilai setelah ditolak kos penanaman dan kos sara hidup untuk mengelakkan pesawah yang miskin diwajibkan membayar zakat padi. Berdasarkan jadual 15, seramai 44 responden (10.9 peratus) tidak perlu membayar zakat dan seramai 359 responden (89.1 peratus) sahaja yang perlu membayar zakat sekiranya nisab padi ditaksir setelah ditolak kos penanaman padi. Manakala seramai 285 orang responden tidak perlu mengeluarkan zakat sekiranya diberi pelepasan kos sara hidup kepada ketua isi rumah. Kos sara hidup wajar juga ditolak bagi anak dan isteri pesawah sebagaimana kos sara hidup diberi pelepasan kepada pembayar zakat pergajian.

Jadual 15 Bilangan Responden Yang Perlu Membayar Zakat Dari Pendapatan Bersih Semusim

Bilangan Pembayar zakat padi sekiranya ditolak kos tanaman³²	Frekuensi	Peratus
Pesawah yang memperolehi pendapatan bersih kurang daripada nisab padi (RM1041.85)	44	10.9
Pesawah yang memperolehi pendapatan bersih mencukupi nisab padi (RM1041.85)	359	89.1
Jumlah	403	100.0
Bilangan Pembayar zakat sekiranya ditolak kos tanaman dan sara hidup³³		
Pesawah yang memperolehi pendapatan bersih kurang daripada nisab padi (RM1041.85)	285	70.7
Pesawah yang memperolehi pendapatan bersih mencukupi nisab padi (RM1041.85)	118	29.3
Jumlah	403	100.0

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

CADANGAN

Melihat kepada situasi yang dihadapi oleh pembayar zakat padi, penyelidik berpendapat bahawa beberapa perkara perlu dilakukan untuk menjaga masalah para pesawah padi, iaitu:

i. Taksiran Zakat Padi Turut Menolak Kos Penanaman

Nisab zakat mestilah dikira setelah ditolak terlebih dahulu kos penanaman padi. Ini kerana peningkatan hasil akan diikuti oleh peningkatan dalam kos tanaman. Sebagaimana diterangkan sebelum ini petani terpaksa menanggung pelbagai jenis kos bagi penanaman padi. Oleh itu adalah wajar kos yang digunakan oleh petani untuk mengupah buruh bagi melakukan aktiviti-aktiviti pertanian ditolak terlebih dahulu kerana petani akan terbeban sekiranya kos tersebut tidak diambil kira. Begitu juga

³² Zakat Padi= Hasil jualan padi dan subsidi harga – kos tanaman > RM1041.85

³³ Zakat Padi=Hasil jualan padi dan subsidi harga –(kos tanaman + kos sara hidup ketua isi rumah semusim) > RM1041.85

dengan kos lain yang terpaksa ditanggung oleh petani seperti kos bahan input, kos sewa tanah dan sebagainya. Malah seramai 64 responden (15.9 peratus) terpaksa meminjam kredit untuk menampung kos penanaman padi.

Pengiraan nisab padi setelah ditolak kos penanaman dan kos sara hidup, akan mengakibatkan pesawah akan mengurangkan kadar bayaran zakat mereka, atau mungkin tidak perlu membayar zakat kerana perolehan mereka kurang daripada nisab. Jika polisi ini dilaksanakan ia akan mengakibatkan pengurangan pungutan zakat padi kerana bilangan pesawah yang layak mengeluarkan zakat akan makin berkurangan. Walau bagaimanapun polisi ini akan lebih menjamin kebajikan ekonomi pesawah padi dan keluarganya, serta mencapai objektif zakat yang sebenarnya iaitu mengagihkan harta orang kaya kepada golongan fakir dan miskin.

ii. Taksiran Zakat Padi Turut Menolak Kos Sara Hidup

Taksiran pembayaran zakat padi perlu mengambil kira juga perbelanjaan sara hidup pembayar zakat, isteri dan anak-anak. Sekiranya petani dibenarkan membuat tolakan kos sara hidup akan mengelakkan salah taksir di mana orang yang sepatutnya layak menerima zakat dibebankan pula dengan kewajipan membayar zakat. Oleh itu dicadangkan supaya pengiraan zakat pertanian mengikut satu format yang diselaraskan dengan kaedah pengiraan zakat pendapatan perseorangan. Dengan demikian, pengiraan zakat perlu mengambil kira semua kos sara hidup pembayar zakat seperti mana yang dicadangkan dalam Jadual 16.

Penyelidik mencadangkan potongan tahunan untuk sara diri diberikan kepada petani sebanyak RM 4,000.00, isteri RM 1,500.00 dan anak-anak RM 500.00 seorang berdasarkan separuh potongan daripada potongan yang diberikan kepada zakat pendapatan. Ini kerana zakat pendapatan dikira setahun sekali manakala zakat padi dibayar setiap musim tanaman padi yang bersamaan enam bulan.

KESIMPULAN

Kaedah taksiran zakat pertanian di Malaysia perlu dikaji semula untuk menjamin kemaslahatan dan kebajikan para petani di Malaysia. Oleh kerana tiada nas yang jelas sama ada kos penanaman perlu ditolak terlebih dahulu sebelum dinilai hasil tanaman mencukupi lima *wasaq* namun atas prinsip *maṣāliḥ mursalah* untuk menjaga kebajikan petani, sewajarnya zakat tanaman diwajibkan atas hasil bersih.

Walaupun tiada nas yang membincangkan dengan jelas sama ada petani perlu diberi pelepasan untuk perbelanjaan sara hidup dirinya dan keluarganya, namun ia perlu dilaksanakan kerana suasana kehidupan pada masa kini berbeza dengan kehidupan masa lalu. Petani perlu menanggung kos pendidikan anak-anak, kesihatan, keperluan-keperluan asas seperti air, elektrik dan sebagainya. Oleh itu wajar diberi tolakan kos sara hidup kepada petani sebagaimana tolakan kos sara hidup diberikan kepada pembayar zakat pendapatan.

Jadual 16 Cadangan Pengiraan Zakat Pertanian

	Butiran		RM	RM
A.	Pendapatan Kasar Petani satu musim	<ul style="list-style-type: none"> •Jualan Padi •Subsidi 		
B	Tolak Kos Penanaman Padi Satu Musim	<ul style="list-style-type: none"> •Kos Input •Benih •Baja •Racun •Lain-lain 		
	Kos Tenaga Kerja	<ul style="list-style-type: none"> •Merumput •Membajak •Menabur benih •Menuai •Pengangkutan •Lain-lain 		
	Kos-kos lain	<ul style="list-style-type: none"> •Cukai tanah •Sewa tanah •Pawah tanah •Lain-lain 		
	Jumlah Kos penanaman padi			
C	Kos Sara hidup semusim <ul style="list-style-type: none"> • Diri sendiri (RM4000.00) • Isteri (RM 1500.00 X per orang) • Anak (RM 500.00 X per orang) 			
D	Pendapatan layak dizakat 5% [A- (B+c)]			

Sumber : Diubahsuai dari 'Atiyah, Muhammad Kamal (1995: 33-34), *Perakaunan Zakat Teori Dan Praktis*, (terj.) Mohd Nor Ngah, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka dan Pusat Zakat Selangor, Zakat Pendapatan <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator/pendapatan.asp>, 1 Jun 2005.